

# Kahwin dan Masyarakat Berumah tangga

## Masalah Nikah Bersyarat

Baharu-baharu ini “masalah nikah bersyarat” telah heboh diperkatakan orang di dalam akhbar, tetapi bagaimana kedudukannya yang sebenar? Baca huraianya menurut penjelasan kitab “*al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*” yang mengupasnya menurut empat-empat mazhab, sebagaimana yang disajikan di bawah ini.

Dalam huraianya yang bertajuk: “Masalah Mensyaratkan di dalam Akad Nikah Sesuatu Syarat, atau Menambahkannya dengan Suatu Masa yang Tertentu”, penyusun kitab itu, Faḍīlah al-Ustādh al-Shaykh ‘Abd al-Raḥman al-Jazīrī, Mesir, berkata:

Apabila seseorang bakal suami atau seorang bakal isteri mensyaratkan sesuatu syarat di dalam akad nikah, atau salah seorang dari keduanya menambahkan syarat itu kepada suatu masa yang tertentu, maka soal sah dan batalnya ada perselisihan di antara mazhab-mazhab seperti berikut:

### **Pendapat Mazhab Ḥanafīyy**

Mereka berkata: Apabila salah seorang dari bakal suami isteri mensyaratkan sesuatu syarat di dalam akad nikah, maka syarat itu tidak sunyi, pertama menjadi syarat yang disertakan dengan akad, ataupun akad itu bergantung kepada syarat – dengan perkataan “jika” atau seumpamanya. Misalnya syarat jenis pertama, itu berkata kepada bakal isterinya: “Aku berkahwin denganmu dengan syarat aku tidak tidur di sisimu”, dan

misal (syarat jenis) kedua, bakal suami itu berkata “Aku berkahwin denganmu jika Muhammad tiba”.

Syarat jenis pertama, tidak memberi bekas kepada akad itu sama sekali. Kalau pula syarat itu termasuk dalam bahagian akad, maka dia akan lulus dengan sendirinya, jika tidak, maka batallah ia dan sahlah akad itu.

Kesimpulan syarat yang kedua pula, yakni akad yang bergantung kepada syarat, maka dia tidak sunyi daripada dua keadaan: Pertama bergantung kepada masa yang telah lalu atau tidak. Kalau bergantung pada masa yang telah lalu maka sahlah akad itu. Kalau pula bergantung pada masa yang akan datang, dan perkara yang disyaratkan itu suatu perkara yang tetap berlakunya, seperti bakal suami itu berkata kepada bakal isterinya: “Aku kahwin denganmu jika matahari terbit”, atau “jika malam tiba”, maka akad itu berlaku dengan serta-merta, dan taklik itu tidak merosakkan. Adapun jika ditaklikkan (disyaratkan) kepada sesuatu perkara yang memang tidak tetap berlakunya, seperti katanya: “Aku (bakal suami) berkahwin

denganmu jika saudaraku kembali dari pelayaran” maka

batallah akad itu.

#### **Pendapat Mazhab Hanbaliyy**

Mereka berkata: Syarat-syarat yang disyaratkan dalam perkahwinan terbahagi tiga:

Pertama: Syarat-syarat yang sah, iaitu seperti bakal isteri itu meletakkan syarat supaya jangan dia dimadukan, atau jangan dia dikeluarkan dari rumahnya atau negerinya, atau jangan dia dipisahkan dengan anak-anaknya atau ibu bapanya, atau jangan dia disekat daripada menyusukan anaknya yang kecil daripada suami yang terdahulu, ataupun dia (bakal isteri) meletakkan syarat supaya dibayar kepadanya jumlah matawang yang tertentu sebagai mas kahwin, atau mensyaratkan suatu tambahan kepada mas kahwinnya, maka segala syarat-syarat yang tersebut adalah sah dan suami itu tidak terlepas daripada menunaikannya. Kalau si suami mengelak daripada menunaikannya, maka si isteri berhak menuntut fasakh pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Haknya itu tidak gugur dengan berlalunya suatu masa yang tertentu.

Kedua: Syarat-syarat yang rosak (tidak sah) dan membatalkan akad. Seperti menggantungkan akad pada syarat yang berhubung dengan masa yang akan datang. Misalnya bapa bakal si isteri berkata: “Aku kahwinkan engkau dengan anakku jika ibunya bersetuju” atau seumpamanya.

Ketiga: Syarat-syarat yang rosak (tidak sah) tetapi tidak membatalkan akad. Seperti bakal suami mensyaratkan tidak akan memberi mas kahwin, atau melebihikan pembahagian malam tidur dan nafkah bagi isterinya yang lain.

#### **Pendapat Mazhab Mālikiyy**

Mereka berkata: Syarat-syarat di dalam nikah itu terbahagi empat:

Pertama: Menggantungkan akad nikah itu kepada syarat, sedang syarat itu tidak merosakkan, dan sekalipun ia tidak akan boleh berlaku. Apabila ia berkata: Aku kahwinkan anakku (perempuan) bagi si anu jika ia bersetuju, sedang orang itu (bakal suami) tiada hadir di dalam majlis itu, lalu perkara itu sampai ke pengetahuannya, kemudian ia mengatakan: Bersetuju, nescaya sahlah akad itu. Demikian pula jika bakal suami itu berkata: Aku berkahwin dengannya

Kitab Sejarah untuk Sekolah-sekolah      Sudah Siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*Ṣallā Allāhu ‘Alayhi wa Sallam*

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas Junjungan kita Muhammad (S.A.W.) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh QALAM untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$1.20

Post 10 sen

jika ayahku bersetuju, sedang si ayah tidak hadir dalam majlis itu, maka sahlah akad itu jika ia (si ayah) bersetuju.

Kedua: Jika mensyaratkan sesuatu syarat yang disertakan dengan akad, dan syarat itu pula merosakkan akad yang tersebut, misalnya mensyaratkan hak memilih bagi bakal suami atau bagi bakal isteri, atau bagi kedua-duanya sekali, ataupun bagi orang lain.

Apabila wali bakal isteri berkata: Aku kahwinkan kamu dengan si anu (perempuan) dengan syarat dia beroleh hak memilih dalam masa dua hari, atau lebih lama, ataupun kurang daripada itu, maka akad itu tidak sah.

Ketiga: Jika mensyaratkan syarat-syarat yang tidak berlawanan dengan akad, misalnya bakal isteri itu mensyaratkan janganlah dia dimadukan, atau jangan dikeluarkan dia dari tempat tinggalnya atau dari negerinya, atau yang seumpamanya. Syarat-syarat yang tersebut tidak merosakkan akad, dan akad itu sah jika disertakan dengan syarat-syarat tersebut, tetapi meletakkan syarat-syarat yang demikian adalah makruh, dan jika bakal isteri meletakkan sesuatu syarat dari syarat-syarat yang demikian, maka bakal suaminya disunatkan mengisi dan menyempurnakannya.

Keempat: Syarat-syarat yang wajib disempurnakan, dan keduanya (bakal suami isteri) berhak memilih pada memfasakhkan akad nikah:

Misalnya: seorang bakal suami mensyaratkan bakal isterinya itu selamat daripada sebarang cacat, lalu didapatinya buta atau pekak, ataupun mensyaratkan bakal isterinya hendaklah seorang anak dara, lalu didapatinya janda, atau mensyaratkan hendaklah dia berkulit putih, lalu didapatinya hitam manis, maka jika bakal suami

itu tidak menetapkan syarat yang tersebut, hanya wali perempuan yang memperkatakan sifat-sifat anak perempuannya, dan perkara yang demikian diperkatakan sesudah bakal suami bertanyakannya, maka dia (bakal suami) berhak memilih, jika tidak, maka sabitnya hak pemilihan itu ada beberapa pendapat yang berselisihan.

### **Pendapat Mazhab Shāfi‘iyy**

Mereka berkata: Apabila akad nikah itu ditaklikkan (digantungkan) kepada sesuatu syarat, nescaya rosaklah (batallah) akad itu. Apabila seseorang disampaikan kepadanya berita yang menggembirakan, iaitu bahawa ia telah dikurniakan seorang anak perempuan, lalu ia berkata kepada orang yang telah menyampaikan berita itu kepadanya: “Jika anak itu perempuan, maka aku telah kahwinkan dia kepadamu”. Akad yang demikian tidak sah kecuali kalau ia telah mengetahui dengan sebenar-benarnya bahawa ia telah beroleh seorang anak perempuan, dan dengan itu, syaratnya yang tersebut dalam hal yang seperti ini tidaklah menjadi taklik, bahkan perkataan “jika” itu bertukar dengan makna “apabila” iaitu perkataan yang bertujuan untuk *tahqīq* (untuk mengetahui sesuatu hal dengan sebenar-benarnya).

Adapun syarat-syarat yang disertakan dengan akad nikah adalah terbahagi dua: Sebahagian ialah syarat-syarat yang rosak (batal) yang tidak bersesuaian dengan akad itu, dan sebahagian lagi ialah syarat-syarat yang sah. Adapun syarat-syarat yang rosak itu adalah merosakkan (membatalkan) akad, seperti apabila bakal suami itu mensyaratkan bakal isterinya hendaklah seorang perempuan Islam padahal ia sendiri seorang *kāfir dhimmī*, atau mensyaratkan hendaklah bakal isterinya itu seorang yang masih di dalam idah, dan sebagainya. Maka syarat-syarat yang

demikian adalah membatalkan akad nikah. Demikian juga apabila bakal isteri itu pula mensyaratkan supaya bakal suaminya (sesudah akad) jangan bercampur (bersetubuh) dengannya, maka syarat yang tersebut membatalkan akad. Tetapi kalau bakal suaminya yang meletakkan syarat yang sedemikian itu (yakni tidak akan bersetubuh dengannya) dan dia (bakal isteri) bersetuju, maka akad itu tidak batal. Perbezaan dua perkara yang tersebut ialah kerana perkara bersetubuh itu hak perempuan, kalau dia bersetuju, sahlah akadnya, sama seperti kalau dia sudah bersetuju dengan suami yang tidak cukup sifat alat lelakinya, atau yang terpotong alatnya.

Adapun syarat-syarat yang tidak merosakkan akad, ialah tiap-tiap syarat mengenai sifat keadaan, yang tidak menegah sahnya akad nikah, seperti kecantikan paras, dara, merdeka, atau mengenai warna kulit, seperti putih atau hitam manis dan sebagainya. Syarat-syarat yang tersebut adalah sah dan tidak pula merosakkan akad.

Apabila bakal suami mensyaratkan di dalam akad nikahnya, seperti katanya: Aku berkahwin dengan si anu dengan syarat hendaklah ia seorang yang cantik parasnya, atau dara, atau putih, atau hitam manis, atau sebagainya, lalu ternyata berlainan keadaan isterinya daripada syarat-syarat yang tersebut, nescaya sahlah akad itu, dan dia berhak memilih, jika bersetuju: Ia menerima, kalau tidak: ia fasakhkan akad itu. Begitu juga, apabila bakal suami itu mensyaratkan sesuatu syarat, lalu ternyata bahawa isterinya itu mempunyai sifat-sifat yang bersamaan dengan syarat-syarat yang dikehendakinya, atau lebih elok lagi, maka sahlah akad itu dan dia tidak berhak memilih.

Demikian juga (hukumnya) apabila bakal isteri mensyaratkan syarat-syarat yang tersebut itu, seperti dia mensyaratkan hendaklah bakal suaminya mempunyai paras

yang cantik atau dara. Makna dara di sini ialah bakal suami itu tidak pernah beristeri.

Apabila perempuan itu mensyaratkan syarat-syarat itu di luar akad maka syarat-syarat yang tersebut tidak boleh dijalankan. Apakala seorang wali berkata kepada seorang lelaki: “Aku kahwinkan engkau kepada anak dara ini”, kemudian ternyata bahawa dia seorang janda, maka si suami itu berhak memilih, dan apabila ia fasakhkan akad sebelum *dukhūl* (sebelum bercampur dengan isterinya) maka dia tidak dikenakan membayar mas kahwin, dan tidak dikenakan menanggung sebarang kewajipan terhadap isterinya itu. Kalau pula berlaku sesudah dicampuri (disetubuhi) isterinya itu atau serentak dalam masa persetubuhan, maka si isteri berhak mendapat mas kahwin, dan si suami pula berkewajipan memberi nafkah idah dan belanja tempat tinggal dan pakaian, dan pihak wali yang telah menipunya, tidak bertanggungjawab tentang perkara yang telah berlaku itu.

Sudah Siap!

SISA NERAKA DUNIA

Penanggungan kita masa Jepun

tidak-lah hendak-nya tinggal begitu sahaja.

Penderitaan yang hebat ini telah di-gambarkan oleh Ahmad Luthfi dalam buku karangan-nya huruf Jawi yang terbit tahun 1948.

Sekarang berpeluang membacanya dengan huruf Rumi. Cherita-nya hebat.

Sa-naskhah \$1.00.

Teknik-nya bagus.